

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98
Februari 1998

HZZ 263/HZZ 301 - Muzik Malaysia

Masa : [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan di dalam satu muka surat. Jawab TIGA (3) soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Muzik Sabah dan Sarawak terdiri daripada pelbagai tradisi vokal dan instrumental yang mempunyai persamaan di antara satu sama lain. Bincangkan 4 ciri stail muzik utama yang sering terdapat di dalam muzik Sabah dan Sarawak. Rujuk kepada genre-genre muzik tertentu dari kedua-dua negeri itu.
2. Tarian singa dan joget gamelan merupakan dua jenis tarian yang mementingkan muzik yang didominasi oleh alat genderang. Bandingkan dua genre ini dari segi perwatakan, cerita/tema, fungsi lagu, alat muzik dan stail muzik. Berikan contoh-contoh muzik.
3. "Gongan menentukan form dan merupakan rangka asas bagi melodi dan corak rentak dalam lagu-lagu makyung dan wayang kulit". Bincangkan. Rujuk kepada sekurang-kurangnya dua jenis lagu dari setiap bentuk makyung dan wayang kulit.
4. Teater bangsawan berasaskan repertoire lagu tertentu yang membantu penonton mengenalpasti babak, watak dan emosi. Bincangkan rentak, meter dan tempo yang dikaitkan dengan lagu-lagu Melayu, Klasik dan Padang Pasir dalam teater bangsawan. Jelaskan dengan contoh-contoh muzik.
5. "Muzik memainkan peranan penting dalam ritual menyembuh pesakit di kalangan orang asli dan masyarakat Melayu di Kelantan". Bincangkan. Jelaskan dengan contoh-contoh muzik.

-0000000-